

Muhammad Hisham Nordin

To: Josffa Ismail
Subject: RE: PERINGATAN MESRA: JEMPUTAN MENYERTAI PERSIDANGAN "3rd COMPETITION LAW CONFERENCE 2022 – DIGITAL ECONOMY, MERGER & BID RIGGING"

From: Conference 2022 <conference2022@mycc.gov.my>

Sent: Thursday, June 9, 2022 2:31 PM

Subject: PERINGATAN MESRA: JEMPUTAN MENYERTAI PERSIDANGAN "3rd COMPETITION LAW CONFERENCE 2022 – DIGITAL ECONOMY, MERGER & BID RIGGING"

PERINGATAN MESRA

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan menganjurkan Persidangan "**3rd Malaysia Competition Commission Competition Law Conference 2022**" yang bertajuk **Digital Economy, Merger & Bid Rigging** pada butiran seperti berikut:

Tarikh : 23 & 24 Jun 2022 (Khamis & Jumaat)
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
**Tempat : Grand Lagoon Ballroom (Lagoon 2),
Tingkat 15, Sunway Resort,
Selangor**

3. Persidangan ini merupakan persidangan kali ke-3 yang akan dianjurkan sepenuhnya oleh MyCC yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan dasar dan Undang-Undang persaingan sesebuah negara. Persidangan ini akan diadakan secara hibrid yang melibatkan penyertaan secara kehadiran fizikal dan dalam talian; dan dijangka dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada peserta luar negara dan juga peserta tempatan di kalangan pihak-pihak swasta, ahli-ahli akademik, persatuan-persatuan perniagaan, persatuan-persatuan pengguna, wakil badan-badan bukan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dijemput untuk menyertai persidangan ini. Yuran penyertaan akan dikenakan seperti berikut:

Butiran	Fizikal	Dalam Talian
Pegawai Kerajaan	RM300.00	RM200.00

5. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, bayaran yuran pendaftaran boleh dibuat melalui *Electronic Funds Transfer* (EFT), cek, pesanan tempatan (*Local Order*), pemindahan telegraf atau deposit tunai ke akaun MyCC seperti berikut:

Nama Akaun	Competition Commission
No. Akaun	80-0090511-6
Bank	CIMB Bank Berhad
Alamat Bank	Lucky Garden Bangsar, 59100 Kuala Lumpur
Kod Swift	CIBBMYKL

- Bayaran haruslah dibuat **sebelum 21 Jun 2022 (Selasa)**. Maklumat peserta dan bukti pembayaran hendaklah disampaikan ke MyCC melalui faks atau emel ke conference2022@mycc.gov.my
- Emel pengesahan akan diberikan selepas MyCC menerima bayaran pendaftaran. Resit bayaran akan diberikan pada sesi pendaftaran.
- Tarikh akhir pendaftaran penyertaan adalah pada **21 Jun 2022 (Selasa)**.

6. Maklumat lanjut mengenai persidangan, sila layari <https://mycc.gov.my/conference2022>. YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan boleh menghantar pendaftaran ke emel conference2022@mycc.gov.my atau hubungi kami di talian 03-2273 2277 jika memerlukan maklumat lanjut berhubung perkara ini. Bersama-sama ini dilampirkan surat rasmi untuk rujukan dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan.

7. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan bagi menjayakan persidangan ini amatlah saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Conference Team
+603-2273 2277



Promoting Competition, Protecting You.